

Seorang lemas, dua masih hilang

KEMAMAN 26 Dis. - Satu lagi korban banjir dicatatkan apabila seorang remaja mati lemas manakala rakannya masih hilang ketika bermain air di kawasan perumahan Bukit Mentok di sini petang ini.

Sementara itu, di Besut, seorang kanak-kanak, Nik Mohd. Alfahmi Zailani, 6, masih hilang selepas dihanyutkan arus deras kerana tergelincir ke dalam sungai berhampiran rumahnya di Kampung Kederang, Bandar Permaisuri.

Dalam kejadian kira-kira pukul 2

petang, mangsa, Mohd. Hamidi Abdul Hamid, 15, dipercayai mendaung sampan bersama rakannya berhampiran rumahnya yang ditenggelami air sedalam lebih satu meter.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Supritendan Che Suza Che Hitam memberitahu, sampan dinaiki kedua-duanya dipercayai tersangkut sehingga memaksa mereka masuk ke dalam air untuk menolak.

"Kemungkinan kedua-duanya tergelincir ke dalam kawasan agak

dalam lalu terus hilang. Kejadian itu disedari keluarga mangsa setelah kedua-duanya tidak pulang ke rumah hampir dua jam.

"Keluarga kedua-dua mangsa kemudian keluar mencari mereka sehinggalah melihat sampan yang dinaiki kosong lalu mencari di kawasan sekitar," ujarnya.

Dalam pada itu, Ketua Polis Daerah Setiu, Supritendan Ab. Rahman Raja Mohamad berkata, setakat pukul 9 malam ini gerakan mencari Nik Mohd. Alfahmi masih gagal.